

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 1/1985

**PUNGUTAN UPAH UKUR BAGI PERMOHONAN PECAH SEMPADAN ATAU
PECAH BAHAGIAN YANG DISELENGGARAKAN OLEH JABATAN UKUR**

Arahan ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua Pemungut Hasil Tanah tentang peraturan untuk memungut deposit untuk bayaran upah ukur sekiranya ukuran satu-satu tanah yang dipohon pecah sempadan atau pecah bahagian diselenggarakan oleh Jabatan Ukur. Sungguhpun kebanyakan daripada permohonan pecah sempadan atau pecah bahagian diselenggarakan oleh Juruukur Berlesen terdapat kadangkala ada permohonan pecah sempadan atau pecah bahagian diterima oleh Pejabat Tanah daripada orang perseorangan terutama sekali yang tinggal dikawasan pendalaman (yang sukar membuat perhubungan dengan syarikat-syarikat Juruukur Berlesen) memohon supaya permohonan mereka itu diselenggarakan oleh Pejabat Tanah.

2. Di dalam keadaan sedemikian bila permohonan tersebut diterima Pemungut Hasil Tanah hendaklah menentukan bahawa segala bayaran yang diperlukan mengikut Seksyen 137(1)(a) dipungut dan cara pungutannya adalah mengikut Seksyen 81(1)(c) [bersabit dengan bayaran upah ukur bila satu-satu tanah itu diberimilik] bagaimana berikut:-

- "81. (1) The following sums shall become due to the State Authority at the time when it approves the alienation or any land under this Act :-
- (a) the amount, or estimated amount, of any survey fees chargeable in respect of the land ; and
 - (b) the fees chargeable in connection with the preparation and registration of final documents or title thereto."

3. Bayaran tersebut hendaklah dipungut sebagai deposit dahulu sebelumnya permohonan itu diproses dan kadarnya adalah mengikut National Land Code (Survey Fees) (Amendment) Order 1975. (P.U.(A) 438/75.

t.t
(HJ.ISMAIL B.HASSAN)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
KOTA BHARU.**

BERTARIKH: 3HB. JANUARI, 1985

FAIL: P.T.G.(KN) SULIT BIL: 22/75

KEPADA:-

Semua Pemungut Hasil Tanah, Kelantan..

SALINAN KEPADA :-

1. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
2. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
3. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
4. YABrs. Juru Odit Negeri Kelantan.
5. YABrs. Pengarah Ukur Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
7. YBrs. Pegawai Tadbir dan Pegawai Pasukan Petugas Pejabat P.T.G.